



جباةن كهاكمان سياراه نغري پلوان پانان

JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI PULAU PINANG
No. 3, Jalan Batu Gantung,
10450 Pulau Pinang.



Tel : 04-8307777
Faks : 04-8307899
Portal Rasmi : <http://www.jksnpp.gov.my>

Ruj. Kam : JKSP.600-1/3/3 (23)
Tarikh : 30 Januari 2026
|| Syaaban 1447H

Yang Arif Hakim-Hakim Mahkamah Tinggi Syariah
Hakim-Hakim Mahkamah Rendah Syariah
Pendaftar dan Penolong-Penolong Pendaftar

Yang Arif/ Tuan /Puan,

**PEKELILING KETUA PENDAFTAR BILANGAN 1 TAHUN 2026
GARIS PANDUAN PENGURUSAN FAIL BERPROFIL TINGGI
DI JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI PULAU PINANG**

Saya ingin menarik perhatian Yang Arif Hakim-Hakim Mahkamah Tinggi Syariah, Tuan-Tuan Hakim Mahkamah Rendah Syariah, Pendaftar dan Penolong-Penolong Pendaftar terhadap keputusan Mesyuarat Pengurusan Tertinggi (MPT) Bil. 4 Tahun 2025 Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang pada 23 Januari 2026 telah bersetuju dan mengesahkan untuk mengguna pakai Garis Panduan Penggunaan Pengurusan Fail Berprofil Tinggi yang dikeluarkan oleh Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia pada 28 Mac 2025 di Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang seperti di Lampiran A.

Arahan ini berkuat kuasa mulai 30 Januari 2026.

(ASRUL NIZAM BIN YAHYA)
Ketua Pendaftar
Jabatan Kehakiman Syariah
Negeri Pulau Pinang

SYARIAH ASAS KEADILAN





جابتن كحاكيمان شرعية مليسيا

JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA
DEPARTMENT OF SYARIAH JUDICIARY MALAYSIA

Blok C, Kompleks Islam Putrajaya
No. 20, Jalan Tunku Abdul Rahman, Presint 3
62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : 603-8870 9200
Faks : 603-8870 9500
Portal Rasmi : www.jksm.gov.my

Ruj. Kami : JKSM.100-13/2/6 JLD2 (10)
Tarikh : 28 Mac 2025
Takwim : 27 Ramadhan 1446H

SENARAI EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN A

Tuan/Puan,

PEMAKLUMAN EDARAN GARIS PANDUAN PENGURUSAN FAIL KES BERPROFIL TINGGI DI MAHKAMAH SYARIAH

Saya dengan segala hormatnya, merujuk perkara di atas.

2. Bersama-sama ini disertakan Garis Panduan Pengurusan Fail Kes Berprofil Tinggi di Mahkamah Syariah sepertimana yang telah dipersetujui oleh Ketua-ketua Pendaftar dalam Mesyuarat Ketua-Ketua Pendaftar Seluruh Malaysia kali ke-76 Bil 1 Tahun 2025 yang telah bersidang pada 27 Februari 2025 di Hotel Raia, Alor Star, Kedah untuk tindakan tuan/ puan.

Kerjasama dan perhatian pihak tuan/ puan terhadap perkara ini amatlah diharapkan dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“SYARIAH ASAS KEADILAN”

Saya yang menjalankan amanah,

(MOHAMAD ZAKIAN BIN DIO)

Ketua Pendaftar

b.p. Ketua Pengarah/ Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia

SENARAI EDARAN

1. **Ketua Pendaftar**
Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kelantan
Kompleks Mahkamah Syariah
Bandar Baru Tunjung, Jalan Pasir Mas-Salor
15510 Kota Bharu
Kelantan
2. **Ketua Pendaftar**
Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kedah
Aras 2, Bangunan Mahkamah Syariah
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
Bandar Muadzam Shah
06550 Alor Setar
Kedah
3. **Ketua Pendaftar**
Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor
Bangunan Mahkamah Syariah Sultan Idris Shah
Persiaran Masjid, Seksyen 5
40000 Shah Alam
Selangor
4. **Ketua Pendaftar**
Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan
Kompleks Kehakiman Syariah Negeri Sembilan
1054A, Jalan Sendayan
71950 Bandar Seri Sendayan
Negeri Sembilan
5. **Ketua Pendaftar**
Mahkamah Syariah Negeri Melaka
Kompleks Mahkamah Syariah Melaka
Jalan Ayer Keroh Lama, Hang Tuah Jaya
75450 Ayer Keroh
Melaka
6. **Ketua Pendaftar**
Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Johor
Lot 259, Jalan Abu Bakar
80100 Johor Bharu
Johor

7. **Ketua Pendaftar**
Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sabah
Tingkat 2, Blok B, Bangunan Wisma MUIS
Beg Berkunci No. 130
88734 Kota Kinabalu
Sabah
8. **Ketua Pendaftar**
Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Perak
Kompleks Mahkamah Syariah
Jalan Pari Off Jalan Tun Abdul Razak
30100 Ipoh
Perak
9. **Ketua Pendaftar**
Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
Kompleks Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan
No. 71 Jalan Sri Hartamas 1, Taman Sri Hartamas
50676 Kuala Lumpur
10. **Ketua Pendaftar**
Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang
Kompleks Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang
NO. 3, Jalan Batu Gantong
10450 Pulau Pinang
11. **Ketua Pendaftar**
Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Perlis
Darul Qada' Tunku Syed Sirajuddin
Persiaran Jubli Emas, Jalan Pegawai
01000 Kangar
Perlis.
12. **Ketua Pendaftar**
Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Terengganu
Bangunan Mahkamah Syariah Negeri Terengganu
Jalan Sultan Mohamad
20110 Kuala Terengganu
Terengganu
13. **Ketua Pendaftar**
Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sarawak
Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Syariah
93400 Kuching
Sarawak

14. Ketua Pendaftar

Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pahang
No 1, Kompleks Mahkamah Syariah Negeri Pahang
Lot 141531, Jalan Indera Mahkota
Bandar Indera Mahkota,
25200 Kuantan
Pahang

GARIS PANDUAN PENGURUSAN FAIL KES BERPROFIL TINGGI DI MAHKAMAH SYARIAH

TUJUAN

Kertas cadangan Garis Panduan Pengurusan Fail Kes Berprofil Tinggi Di Mahkamah Syariah ini dikemukakan bagi tujuan kelulusan ahli mesyuarat untuk digunakan sebagai asas penyimpanan rekod fail kes Berprofil Tinggi di semua Jabatan Kehakiman Syariah Negeri (JKSN) dan Mahkamah Syariah Negeri (MSN).

LATAR BELAKANG

Pada asasnya penyimpanan dan pelupusan rekod di jabatan adalah tertakluk kepada Jadual Pelupusan Rekod (JPR) jabatan masing-masing seperti mana yang diluluskan oleh Arkib Negara Malaysia. Bagi Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, JPR Urusan Fungsian telah diluluskan oleh Jawatankuasa Pelupusan Rekod Arkib Negara Malaysia pada 14 Julai 2020.

Mengikut JPR Urusan Fungsian JKSM Tahun 2020, rekod kes Berprofil Tinggi sama ada rekod fizikal atau elektronik dipindahkan ke Arkib Negara Malaysia selepas tamat tindakan dan tempoh simpanan tujuh (7) tahun di jabatan dipatuhi. Walau bagaimanapun, tiada huraian atau garis panduan berkenaan dengan kriteria kes Berprofil Tinggi diwujudkan sehingga kini.


DEFINISI DAN SKOP

1. Kes Berprofil Tinggi merujuk kepada kes-kes yang difailkan di mana-mana peringkat mahkamah Syariah yang mana fail kes berkenaan perlu disimpan 7 tahun di jabatan berdasarkan Jadual Pelupusan Rekod (JPR) yang berkuat kuasa.

2. Penentuan kes Berprofil Tinggi hendaklah dibuat oleh Ketua Pendaftar atau Pendaftar atau Penolong Pendaftar dengan mengambil kira kriteria-kriteria berikut;
 - i. Kes yang melibatkan Kerabat di Raja;
 - ii. Kes yang melibatkan ahli/ pegawai pentadbiran negara dan negeri (Ahli Kabinet Persekutuan/Kabinet Negeri/ Pegawai atasan Agensi Kerajaan) yang menjadi perhatian umum;
 - iii. Kes yang melibatkan bekas ahli pentadbiran negara (mantan PM, TPM, Menteri dll);
 - iv. Kes yang melibatkan ahli politik yang menjadi perhatian umum;
 - v. Kes yang melibatkan tokoh masyarakat/ figura/ ikon yang menjadi perhatian umum;
 - vi. Kes yang amaun tuntutan nya agak besar dan luar dari kebiasaan;
 - vii. Kes yang melibatkan konflik antara agama dan konflik perlembagaan; atau
 - viii. Kes-kes lain yang pada hemat Ketua Pendaftar/ Pendaftar/ Penolong Pendaftar adalah kes yang berprofil tinggi.

3. Fail kes Berprofil Tinggi hendaklah dicap "Berprofil Tinggi" di atas kulit fail sebelah kanan atas fail (Lampiran I).
4. Proses kerja pengurusan fail kes Berprofil Tinggi adalah seperti Lampiran II.
5. Carta Alir proses kerja fail kes Berprofil Tinggi adalah seperti di Lampiran III.

Lampiran I



**BERPROFIL
TINGGI**

**DALAM MAHKAMAH
RAYUAN**

KUALA LUMPUR DALAM NEGERI **WILAYAH PERSEKUTUAN**

NO. KES:

[PERMOHONAN LANGSUT TERPULU BAKI MEMPERLUKAN HATI-SAMBUT TERHADAP
PERINTAH PENGESAHAN HUKUM]

ANTARA

PLAINTIF / PEMOHON	DEFENDAN / RESPONDEN
<p>Nama : </p> <p>No. K/P : </p> <p>Alamat : A ASSOCIATES NO. 12A, JALAN TENKU AMPUAN JABEDAH HQ/K, SEKSYEN 9, 45100 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN</p>	<p>Nama : </p> <p>No. K/P : </p> <p>Alamat : DESA BAKTI, TAMAN DESA OFF. JALAN KELANG LAMA SABCO KUALA LUMPUR</p>

JENIS KES / SEKSYEN

DI DALAM PERKARA MAHKAMAH RENDAH/TINGGI SYARIAH DI W/PERSEKUTUAN K. LUMPUR
DALAM PERKARA TERMOHONAN/SAMAN MAL/JENAYAH NO. 19500-044-009-2019

TARIKH	CATATAN	
31 JAN 2025	Sidang, 51959 11:00 am	

Tarikh Daftar:

Bayaran: RM

No. Resit:

Tandatangan:

Lampiran II

PROSES KERJA PENGURUSAN FAIL KES BERPROFIL TINGGI

BIL	SINGKATAN	PENGERTIAN
1	P	Ketua Pendaftar/ Pendaftar/ Penolong Pendaftar
2	PmP	Pembantu Pendaftar
3.	PRJ	Pegawai Rekod Jabatan

TANGGUNG JAWAB	PROSES KERJA
P	<ol style="list-style-type: none">1. Menentukan fail kes adalah berprofil tinggi atau tidak;2. Jika fail kes adalah berprofil tinggi, mengecap atas kanan fail dengan perkataan "Berprofil Tinggi";3. Menyerahkan fail kepada Unit Rekod Jabatan setelah kes selesai.
PRJ	<ol style="list-style-type: none">4. Menyimpan fail di bilik rekod; dan5. Memindahkan fail ke Arkib Negara Malaysia untuk simpanan kekal.

Lampiran III

CARTA ALIR PROSES KERJA FAIL KES BERPROFIL TINGGI

